

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] meminta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan kes yang dilaporkan dan disiasat membabitkan penipuan pakej Umrah bagi tempoh 2012 hingga terkini 2014 dan nyatakan bilangan syarikat pelancongan yang menipu pengguna dalam menyediakan pakej mengerjakan Umrah serta langkah-langkah Kerajaan bagi membanteras kegiatan penipuan ini dari berterusan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh tahun 2012 hingga Mei 2014, sebanyak empat (4) kes penipuan umrah telah disiasat oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang membabitkan tiga (3) buah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan sebuah syarikat pengendalian pelancongan yang tidak berlesen.

Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil tindakan pembatalan lesen ke atas syarikat-syarikat yang berlesen manakala bagi syarikat tidak berlesen, Kementerian telah menjalankan tindakan pendakwaan kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

Bagi memastikan syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti penipuan menerima hukuman yang lebih berat, Kementerian telah merujuk kes penipuan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk dikenakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan.

Tambahan kepada itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga mengambil langkah-langkah berikut:

- i) Meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya ke atas syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan juga syarikat atau individu yang mengendalikan pakej umrah tanpa lesen;

- ii) Membuat semakan semula ke atas kadar denda mahkamah yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya;
- iii) Melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah secara berterusan kepada golongan sasaran terutama wakil Jawatankuasa Masjid/Surau, pemimpin masyarakat dan orang ramai supaya mengetahui ciri-ciri dan modus operandi syarikat umrah palsu serta kepenggunaan dari segi pemilihan pakej umrah yang sah oleh syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen dengan Kementerian;
- iv) Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu menyampaikan maklumat dan kesedaran awam mengenai penipuan pakej umrah melalui khutbah Jumaat; dan
- v) Kementerian juga akan memperluaskan hebahan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penipuan pakej pelancongan khususnya melalui media elektronik dan media sosial.

Sekian, terima kasih.